

Rabu, 27 Mei 2020 | 2:53pm

## COVID-19: KPDNHEP siasat 627 kes

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**PUTRAJAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengenal pasti 627 kes atas pelbagai kesalahan membabitkan rampasan berjumlah lebih RM26 juta.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata sebanyak 470 kes dikompaun sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berjumlah RM375,850.

Katanya, antara kesalahan yang dikesan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan Akta Timbang dan Sukat 1972.

"Semalam, pegawai penguat kuasa KPDNHEP juga melakukan 1,365 pemeriksaan khas pematuhan SOP PKPB. Pemeriksaan KPDNHEP mendapati 1,202 premis mematuhi SOP yang ditetapkan.

"Sebanyak 160 premis diberi nasihat dan tiga premis lagi diberi amaran atas ketidakpatuhan SOP," katanya pada sidang media harian di sini, hari ini.



Penguat kuasa KPDNHEP memeriksa kedai runcit yang menjual pelitup muka dengan harga RM2.40 sekeping di Kemaman, Terengganu. NSTP/IHSAN KPDNHEP

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/693292/covid-19-kpdnhep-siasat-627-kes>